

# Musa: Kami tidak minta maaf

Oleh  
SAAD  
HASHIM

LONDON, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata di sini hari ini, Malaysia tidak berhasrat meminta maaf atas undang-undang yang kontroversial seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Beliau mengkritik apa yang disifatkannya sebagai pertubuhan-pertubuhan yang terasa dirinya

baik' (seperti The Amnesty International) dan juga segelintir masyarakat British yang cuba memaksa kerajaan Malaysia mengaungi apa yang mereka anggap sebagai betul. "Kami tidak akan me-

minta maaf terhadap apa yang kami buat," kata Datuk Musa dalam satu wawancara dengan wartawan Malaysia dan Perkhidmatan Melayu BBC. Beliau menerangkan tentang peraturan undang-undang di Malay-

sia yang menjadi tema utama dalam ucapannya di upacara penerimaan Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-Undang di Universiti Sussex. "Hujah yang sering dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti ini ialah undang-undang

di Malaysia seperti ISA mengancam hak-hak kemanusiaan. Tetapi mereka yang datang dari masyarakat yang berlainan itu tidak faham tentang perbezaan keadaan di Malaysia," katanya.

"Mereka yang datang dari masyarakat yang liberal seperti Britain tidak menyedari bahawa apa yang baik untuk Britain tidak semestinya baik bagi Malaysia.

"Bagi kami, apa yang kami lakukan kami tidak meminta maaf. Umpamanya, ISA adalah perlu kerana Parti Komunis telah bersumpah akan menembak kami bila-bila sahaja ada peluang untuk berbuat demikian.

"Jadi, sebelum mereka menembak kami, kami mesti menahan mereka. Demi untuk melindungi masyarakat kita, kami akan menggunakan ISA terhadap mana-mana pertubuhan yang menggunakan kekerasan."

Datuk Musa mengingatkan pertubuhan-pertubuhan yang terasa dirinya baik' ini bahawa setiap undang-undang diluluskan oleh Parlimen Malaysia yang sepenuhnya dipilih secara suhul melalui peti undi.

## Mengikis

"Jadi, tidak ada negara atau pertubuhan yang mempunyai hak untuk menyuruh kami menukar undang-undang itu. Hanya rakyat Malaysia sahaja yang berhak melakukan itu," katanya.

Dalam pertemuannya dengan ahli-ahli perniagaan British, Isnin lalu, Datuk Musa menerangkan yang mereka mempunyai peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian dalam ekonomi Malaysia dengan syarat mereka menukar cara mereka.

Mereka mestilah mengikis siapa iama yang menganggap Malaysia sebagai bekas tanah jajahan Great Britain yang boleh diteroka serta dikeluarkan hasil bahan mentah negara itu dan kemudian menjual barang dagangan mereka di situ.

"Saya diminta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan peniaga-peniaga British supaya belajar menyesuaikan diri dengan dasar hubungan baru antara Britain dan Malaysia.

Sekarang, "Jika peniaga-peniaga British datang ke Malaysia, mereka mestilah mempunyai rancangan yang khusus untuk mengadakan usaha bersama dengan kepentingan-kepentingan tempatan atau melabur dalam industri yang terdapat pemindahan teknologi."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia